

Newspaper	Berita Harian
Date	14 September 2015



Pelan induk tingkat taraf hidup kaum India digubal

» Kerajaan belum puas hati pencapaian pembangunan masyarakat

Oleh Haika Khazi
mfazul@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan kini sedang menggubal pelan induk bagi memberikan lebih banyak bantuan dan meningkatkan taraf hidup serta sosioekonomi masyarakat India dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Perdana Menteri berkata, kerajaan berbuat demikian kerana belum berpuas hati dengan pencapaian pembangu-

nan dan kemajuan masyarakat, khususnya kaum India di negara ini.

Minta beri pandangan

Justeru, Najib yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata semua pihak berkepentingan, termasuk parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) masyarakat India diminta memberi pandangan dan maklum balas masing-masing bagi membantu kerajaan menyiapkan pelan induk berkenaan.

"Saya berharap penggubal pelan induk ini dapat menjadi sebahagian daripada dasar kerajaan dalam menjayakan wawasan untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

"Saya harap semua ini (pelan induk) dapat kita dokumentasi dan diedarkan kepada kaum India supaya mereka mendapat pengetahuan lebih tepat mengenai apa yang di-

lakukan oleh Kerajaan BN.

"Kita tidak mahu kaum India salah faham dan mendengar hasutan daripada pembangkang mahu pun janji kosong daripada mereka kerana terbukti bahawa BN mempunyai program konkrit untuk membangunkan semua kaum berbanding parti lawan," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Parti Makkal Sakti Malaysia (Makkal Sakti) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Presiden Makkal Sakti, Datuk RS Thanenthiran.

Azam tingkat taraf hidup

Najib berkata, beliau berazam meningkatkan usaha membantu dan meningkatkan taraf hidup kaum India walaupun kerajaan berdepan pelbagai kekangan terutama kemerosotan ekonomi dan harga minyak global sekarang.

Bagaimanapun, Najib berkata situasi sekarang tidak seburuk keadaan ketika krisis ekonomi Asia dan pelbagai masalah lain yang pernah melanda negara sebelum ini.

"Setiap kali kita berdepan pelbagai krisis yang serius, kerajaan berjaya mengatasinya kerana semangat bersatu padu ditunjukkan kepelbagaian kaum dan budaya di kalangan rakyat Malaysia yang cintakan keamanan," katanya.

Najib berkata, beliau berterima kasih kepada Presiden Makkal Sakti yang menyatakan dengan tegas bahawa parti itu tidak sokong penganjuran perhimpunan Bersih 4.0 dan sanggup bekerja keras untuk memastikan BN terus kekal sebagai parti pemerintah.

Berikutan itu, Najib berkata beliau sedia mempertimbangkan semua resolusi yang dikemukakan oleh Makkal Sakti berdasarkan kesesuaian dan kemampuan kerajaan.

BH - 14/9/2015